

Drama Pukul 7

CARD GAME

RULEBOOK

BACA BAGI FAHAM



Drama Pukul 7

CARD GAME

PENGENALAN

Di dalam Drama Pukul 7, anda bermain sebagai salah satu watak di dalam sebuah drama di mana kalian berlawan sesama sendiri dengan menjatuhkan air muka player-player lain sehinggalah tinggal salah

seorang sahaja yang terselamat dan dinobatkan watak utama di dalam drama tersebut.

Game ini boleh dimainkan untuk 2-6 orang pemain tetapi kami sarankan untuk dimainkan sekurang-kurangnya 3 orang pemain untuk mengelakkan fenomena yang digelar hambar.





- 8 Hero/Heroine cards
- 64 cards Deck Biru
- 40 cards Deck Hijau
- 6 cards Air Muka
- 6 cards Reference
- 30 Coin Token
- Rulebook

ISI KANDUNGAN


◆ OBJEKTIF GAME	01
◆ SETUP	02
◆ MEMAINKAN TURN	05
• COLLECTING DUIT	06
• DRAW CARD	07
• ACTION	08
EPISODE CARD	09
PLOTWIST CARD	10
◆ KEDAI	12
• ITEM	13
• MEMBER	14
KAHWIN	15
• DENGKI	16

OBJEKTIF GAME

Untuk menjadi protagonist dalam drama ini, anda akan bersaing dengan player lain dengan menjatuhkan AIR MUKA  sesama sendiri dengan menggunakan pelbagai cara.



Player ini memiliki 7 AIR MUKA .


Player ini memiliki 0 AIR MUKA .

Apabila AIR MUKA anda mencecah sifar (0), anda akan disingkirkan dari permainan & player lain yang masih memiliki AIR MUKA akan meneruskan permainan tanpa anda. Player terakhir terselamat menang & menjadi protagonist drama ini.

Pemenang berhak untuk menamakan drama yang dibintanginya!

PLAYER SETUP

Setiap player akan diberi card Air Muka dan setiap player akan memilih atau diberi secara rawak card watak Hero/Heroine; anda akan memainkan watak itu.



Contoh : Hero RYAN KAYA-RAYA & Heroine KAMSI AH CABLE merupakan satu card yang sama & memiliki ABILITY yang sama; perbezaan hanyalah jantina mereka. So pilih salah satu belah je jangan panic.

Semua player mula dengan 7 AIR MUKA . Anda tidak boleh memiliki AIR MUKA  melebihi dari 7 walau bagaimana tebal pun muka pun anda.

TABLE SETUP

Mulakan dengan shuffle dan membahagikan 2 deck di atas meja:

- A. Deck Biru (Mengandungi card **PLOT TWIST & EPISODE**)
- B. Deck Hijau (Mengandungi card **MEMBER & ITEM**)

Letakkan kesemua token duit JUTA di tengah meja.



Contoh :

Permainan yang ditunjuk adalah permainan 4 player.

- 1 Deck Hijau
- 2 Kedai. Dibuka dari Deck Hijau
- 3 Deck Biru
- 4 Bank. Token-token duit Juta
- 5 Card Hero/Heroine & Air Muka untuk setiap player.

Pada permulaan permainan, setiap player akan mendapat:

- 1 Character Hero/Heroine
- 1 Card Air Muka
- 4 Card dari Deck Biru
- 1 Juta token
- 1 Card Reference (Optional)



FIRST PLAYER

Dalam Edisi Kedua ini, ada beberapa perkara yang kami ubah daripada Edisi Pertama. Antaranya adalah cara menentukan siapa yang akan menjadi First Player (pemain yang memulakan TURN pertama).

Sebagai contoh untuk permainan 4 player ini, sediakan 3 card AIR MUKA yang berwarna putih dan 1 card AIR MUKA berwarna emas/kuning.




Shufflekan keempat card ini dan bagikan kepada semua player secara random. Player yang mendapat card AIR MUKA berwarna emas/kuning akan menjadi first player.

Jumlah Player Dalam Game	Jumlah Card Air Muka Putih yang diagihkan	Jumlah Card Air Muka Kuning/Emas yang diagihkan
2	1	1
3	2	1
4	3	1
5	4	1
6	5	1

NAMA & CARD POSITION

Ada beberapa posisi & nama yang digunakan di dalam game ini. Nama-nama ini akan disebut di dalam card dan setiap position ada kegunaannya.



Contoh :
Gambar di atas menunjukkan contoh dari perspektif seorang player sahaja. Jangan risau, player-player lain tidak hilang menjadi debu hasil dari petikan jari seekor alien ungu.

- 1 Deck Hijau**
 - Apabila ada slot KEDAI kosong, draw card dari deck ini dan letakkan di KEDAI.
- 2 Kedai**
 - Dimana player boleh beli **ITEM** & **MEMBER**. Dibuka dari Deck Hijau
- 3 Deck Biru**
 - Dimana player DRAW card.
- 4 Card HERO/HEROINE & card AIR MUKA.**
 - Watak yang anda mainkan & menunjukkan jumlah AIR MUKA dimiliki.
- 5 Card Di Dalam Tangan**
 - Card yang dimiliki anda & boleh dimainkan. Tiada had jumlah.
- 6 Card Di Hadapan Anda**
 - **ITEM** atau/dan **MEMBER** yang sedang dimiliki & active.
- 7 Discard pile Deck Biru**
 - Apabila Deck Biru sudah habis dimainkan, card-card di sini akan dishuffle kesemuanya & dijadikan sebagai Deck Biru yang baru.
- 8 Discard pile Deck Hijau**
 - Apabila Deck Hijau sudah habis dimainkan, card-card di sini akan dishuffle kesemuanya & dijadikan sebagai Deck Hijau yang baru.

MEMAINKAN TURN

Pada awal permulaan permainan, setiap HERO/HEROINE hanya ada 1 pada setiap ATTRIBUTE: Juta , Draw Card , Action , Dengki .


Semasa TURN anda, ATTRIBUTE ini akan mempengaruhi pergerakan permainan anda. Terdapat 3 fasa di dalam setiap TURN.



1. FASA COLLECTING (MENGIKUT TURUTAN)




JUTA

- Collect token duit Juta dari Bank mengikut jumlah attribute  yang dimiliki.
(Semua player bermula dengan 1 pada permulaan permainan).




DRAW CARD

- Ambil Card dari Deck Biru mengikut jumlah attribute  yang dimiliki.
(Semua player bermula dengan 1 pada permulaan permainan).

2. FASA AKSI (TIDAK PERLU MENGIKUT TURUTAN)



ACTION

- Mainkan card di dalam tangan. Berapa jumlah card yang boleh dimainkan adalah mengikut jumlah attribute  yang dimiliki.
(Semua player bermula dengan 1 pada permulaan permainan).



FREE ACTION

- Ada beberapa free action yang anda boleh lakukan:
 - * Membeli **ITEM** dari kedai.
 - * Recruit **MEMBER** dari kedai.
 - * Kahwin dengan **MEMBER** di hadapan anda.
 - * Menggunakan ABILITY Hero/Heroine.
(Hanya boleh gunakan sekali per turn).
 - * Menggunakan ABILITY **ITEM**.
(Setiap ITEM hanya boleh gunakan sekali per turn).




SKIP

- Anda juga boleh pilih untuk tidak melakukan apa-apa dalam fasa ini dan terus ke fasa dengki.

3. FASA DENGKI




DENGKI

- Gunakan attribute  untuk menyerang.
- Simply beritahu dan tunjuk siapa anda hendak serang. Tidak perlu menggunakan sebarang card.
- Anda hanya boleh serang seorang player sahaja.
- Turn anda tamat sebaik saja habis menyerang.
- Juga boleh skip dan tidak menyerang sesiapa.




COLLECT DUIT JUTA!

Pada permulaan TURN anda, perkara pertama anda buat adalah collect duit Juta. Collecting duit Juta sangat mudah: collect seberapa banyak token juta dari Bank berdasarkan berapa banyak ATTRIBUTE JUTA  yang anda miliki.


Pada permulaan permainan, semua player hanya mempunyai 1 Attribute Juta.



Ada cara untuk menaikkan jumlah duit Juta yang anda boleh collect iaitu dengan membeli ITEM atau berkahwin dengan MEMBER di hadapan anda. Contoh di bawah adalah satu senario yang membolehkan anda collect lagi banyak duit Juta.



Contoh di sebelah menunjukkan Hero Ryan Kaya-Raya yang mempunyai beberapa ITEM & telah pun berkahwin dengan MEMBER bernama Lily.

Apabila anda collect duit Juta, simply kira berapa banyak ATTRIBUTE  yang ada pada card ITEM & HERO anda.

Untuk contoh ini player ini akan collect 3 token duit Juta dari Bank.

Kami akan explain tentang cara untuk mendapatkan ITEM & berkahwin dengan MEMBER di muka surat lain.


Anda boleh collect duit pada setiap TURN dalam Fasa Collecting. Jumlah attribute ini akan berkurangan/bertambah jika anda kehilangan /bertambah ITEM atau MEMBER yang memberi Attribute tersebut.




DRAW CARD

Setelah collect duit Juta, ambil card dari Deck Biru dan masukkan ke dalam tangan anda; ini dipanggil DRAW CARD. Ambil seberapa banyak card berdasarkan berapa banyak ATTRIBUTE DRAW  yang anda miliki.

Seperti Attribute Juta & attribute-attribute yang lain, semua player hanya bermula dengan memiliki 1 untuk setiap Attribute. Cara untuk menaikkan jumlah attribute ni juga adalah melalui memiliki ITEM atau berKahwin dengan MEMBER di hadapan anda.



Contoh di atas menunjukkan Hero Ryan Kaya-Raya yang mempunyai beberapa ITEM & telah pun berKahwin dengan MEMBER bernama Lily.

Apabila anda hendak DRAW CARD, simply kira berapa banyak ATTRIBUTE  yang ada pada card ITEM & HERO anda.

Untuk contoh ini player ini akan DRAW 2 CARD dari Deck Biru.


Anda akan draw card pada setiap TURN dalam Fasa Collecting. Jumlah attribute ini akan berkurangan/bertambah jika anda kehilangan /bertambah ITEM atau MEMBER yang memberi Attribute tersebut.



ACTION!

Setelah collect duit JUTA & DRAW CARD, anda boleh mainkan mana-mana card dari dalam tangan anda menggunakan Action. Berapa banyak card yang mampu dimainkan pada TURN anda adalah mengikut berapa banyak ATTRIBUTE yang dimiliki.

Cara kiraan Attribute Action sama sahaja seperti anda kira jumlah Attribute Juta & Draw Card.



Contoh di sebelah menunjukkan Hero Ryan Kaya-Raya yang mempunyai beberapa ITEM & telah pun berkahwin dengan MEMBER bernama Lily.

Untuk contoh ini player ini boleh memainkan 2 card dari tangannya kerana dia mempunyai 2 Attribute ACTION terkumpul.

Anda boleh buat ini pada setiap TURN. Jumlah attribute ini akan berkurangan/bertambah mengikut jika anda kehilangan/bertambah ITEM atau MEMBER yang memberi Attribute tersebut.



Hanya ada 4 jenis card yang mungkin/boleh berada di dalam tangan anda: EPISODE, PLOT TWIST, ITEM & MEMBER. Kalau ada card Air Muka tiba-tibe tu da kira merepek!

Anda perlu menggunakan 1 ACTION untuk memainkan satu card dari card-card ini. Lagi banyak action, lagi banyak card boleh dimainkan!



EPISODE CARD

Memainkan EPISODE CARD sangat lah mudah. Anda hanya boleh memainkan EPISODE CARD semasa TURN ANDA SAHAJA.



Kebanyakan EPISODE CARD straight forward dan mudah. Simply mainkannya tanpa perlu peningkatkan kepala.

Ikut sahaja EFFECT yang tertera di bahagian bawah card.



Ada juga beberapa EPISODE CARD yang mempunyai syarat/condition yang perlu dipenuhi sebelum ia boleh dimainkan.

Syarat/condition ini akan ditulis dalam BOLD & ITALIC(senget).

Contohnya
Jika semasa card "GANGSTER TAPI HATI BAIK" ini dimainkan, tiada sebarang MEMBER CARD ada di dalam discard pile (bermakna Syarat/Condition yang tertera tidak dapat dipenuhi), card ini akan jadi useless & tidak boleh dipakai guna selagi syarat/condition ini tidak dipenuhi.

Apabila EPISODE CARD dimainkan/digunakan, ia akan dimasukkan ke dalam DISCARD PILE DECK BIRU.



PLOT TWIST CARD

Card Plot Twist boleh dianggap sebagai card Perangkap, Sabotaj, Defensive atau card Counter Attack.

Anda boleh memainkan card PLOT TWIST dengan 2 cara:

- Semasa TURN anda (sama seperti EPISODE)
- Sesama TURN player lain



Kebanyakan PLOT TWIST card memerlukan syarat/condition sebelum anda boleh memainkannya. Syarat/condition akan ditulis dalam tulisan **BOLD & ITALIC**.


Contohnya Untuk card "AKU SEBENARNYA POLIS", player akan curi ITEM kepunyaan player lain. Jika tiada seorang pun player yang ada ITEM, maka card ini tidak boleh diguna pakai lagi lah. Dia nak curi apa kalau takde benda yang boleh dicuri kan?

Common sense kan? Tapi kami kena beritahu jugak sebab buku ini adalah sebuah Rule Book.

1. MEMAINKAN PLOT TWIST DALAM TURN SENDIRI

Apabila anda memainkan card PLOT TWIST semasa turn sendiri, ia akan menggunakan ACTION . Anda boleh pilih secara bebas kepada siapa target effect card ini.

2. MEMAINKAN PLOT TWIST SEMASA TURN PLAYER LAIN

Semasa TURN player lain, anda boleh interrupt mereka bila-bila masa. Memandangkan ia bukan TURN anda, memainkan PLOT TWIST semasa TURN player lain tidak memerlukan ACTION .

Targeted Player itu perlu berhenti apa saja yang dia tengah buat dan perlu selesaikan/resolve PLOT TWIST yang telah dimainkan keatasnya terlebih dahulu.



PLOT TWIST CARD

TIMING TU PENTING!

Selain syarat/condition yang perlu dituruti, bila anda mainkan card ini sangatlah penting. Adakah anda mainkan sebelum player tu sempat collect duit? Sebelum dia mulakan serangan? Semasa dia tengah mainkan EPISODE? Semua ini akan memberikan impak yang bebezanya.



Sebagai contoh card "CLIFFHANGER" yang effectnya adalah untuk skipkan turn player lain.

Jika card ini dimainkan semasa FASA AKSI, player itu hanya tidak boleh memainkan card dari dalam tangan & tidak boleh serang sahaja.

Lain pula jika card ini dimainkan semasa FASA COLLECTING. Maksudnya sebelum sempat player itu collect duit & draw card, dia sudah dipaksa untuk skip turnnya. Perbezaan timing yang kecil ini akan memberi impak yang sangat berbeza.

CANCEL/COUNTER




Berhati-hati kerana terdapat jugak card PLOT TWIST yang boleh digunakan untuk cancel sebarang jenis PLOT TWIST, EPISODE atau ABILITY!



Anda juga boleh mainkan card seperti ini untuk menidakan sebarang jenis card effect untuk menolong player lain; walaupun effectnya tidak ada kena mengena pun dengan anda.



KEDAI


Membeli dari kedai adalah cara utama untuk menguatkan Attributes Characters anda. Anda hanya boleh membeli semasa turn sendiri. Membeli tidak menggunakan ACTION .



Attributes yang akan anda dapat apabila beli/miliki ITEM ini. (Jika dibeli semasa TURN sendiri, terus dapat  atau  yang tertera)

Harga untuk membeli ITEM ini (bayar guna duit JUTA).

Harga untuk recruit MEMBER ini (bayar dengan discard card dari tangan)



Anda boleh beli sebanyak mana ITEM/MEMBER di kedai asalkan anda mampu untuk membayarnya.

APABILA BARANG DIBELI DARI KEDAI

Apabila sebarang card yang telah dibeli dari KEDAI, letakkan di hadapan anda. Anda akan dianggap sedang miliknya dan sebarang attributes dan effectnya akan boleh diguna pakai serta merta.

Dibeli!



Sebagai contoh card "JAMAL SADO" baru dibeli oleh player yang sedang memainkan turnnya. Slot kosong yang di tinggalkan "JAMAL SADO" tadi akan digantikan dengan card baru dari DECK HIJAU.

Diganti card baru



Card baru ini akan dibuka/FACE UP hanya semasa TURN player seterusnya. Card baru ini hanya boleh dibeli apabila ianya dibuka/faced up.



ITEM

Type/jenis ITEM ini.

Ability ITEM ini.

Harga ITEM ini.



ITEM ini akan menambahkan attributes Characters anda. Effect Attribute ini adalah immediate.

Contohnya
Anda baru beli ITEM "KLINIK KAMPUNG UBI", letakkan CARD ITEM ini dihadapan anda, anda akan DRAW 1 extra card (Effect Attribute ini adalah immediate).

Terdapat 3 jenis ABILITY:

PASSIVE ABILITY

- Ability ini sentiasa on. Anda tidak perlu membuat sebarang pembayaran untuk activate ability ini.

ACTIVE ABILITY


- Anda hanya boleh gunakan ability ini semasa TURN sendiri sahaja.
- Selalunya ability ini memerlukan anda untuk "bayar" sesuatu untuk activatekan ability ini (apa yang perlu dibayar akan ditulis dalam tulisan **BOLD & ITALIC**)

REACTIVE ABILITY

- Ability ini hanya akan activate apabila syarat/condition dilaksanakan.
- Selalunya ability ini akan activate semasa turn player lain.
- Selalunya ability ini memerlukan anda untuk "bayar" sesuatu untuk activatekan ability ini (Syarat/condition & apa yang perlu dibayar akan ditulis dalam tulisan **BOLD & ITALIC**)

LIMIT ITEM/MEMBER YANG DIMILIKI



Anda hanya boleh memiliki 2 untuk setiap type. Contohnya pada satu masa anda hanya boleh memiliki 2 ITEM KENDERAAN , jika anda beli 1 lagi ITEM KENDERAAN, anda boleh gantikannya dari 2 KENDERAAN yang sudah dimiliki, ITEM yang lama yang tidak mahu lagi boleh dimasukkan ke dalam tangan anda.



MEMBER

Member merupakan "SHIELD" untuk Character anda. Apabila hendak membeli MEMBER dari KEDAI, anda perlu membayar menggunakan Card (discard/buang card) dengan jumlah yang tertera.

Jantina MEMBER ini.


Ability/Info mengenai KAHWIN MEMBER ini.

Jumlah AIR MUKA MEMBER ini.

Attribute MEMBER ini akan berikan apabila sudah KAHWIN.

Harga untuk RECRUIT MEMBER ini.

MEMBER yang baru shield/protect Hero/Heroine dari serangan DENGKI akan di-discard serta-merta.




Contoh :
 Gambar di atas "Kaya bin Raya" sedang menyerang "Inspektor Wang" menggunakan DENGKI (further explanation tentang menyerang di muka surat lain). Jumlah serangannya adalah 2 DENGKI.
 Jika "Inspektor Wang" tidak mempunyai MEMBERnya, sepatutnya AIR MUKA akan menurun dari 7 ke 5 ($7 - 2 = 5$). Tetapi since "Inspektor Wang" ada "Aina Mualaf" sebagai MEMBER, "Aina Mualaf" akan absorb/shieldkan 1 AIR MUKA, jadi dari serangan ini "Inspektor Wang" akan mempunyai 6 AIR MUKA & "Aina Mualaf" akan di-discard.



MEMBER - KAHWIN

Untuk menguatkan lagi kebolehan SHIELD MEMBER, raikan kesetiaan mereka dengan berKAHWIN!

Untuk berKAHWIN dengan MEMBER:

- MEMBER sudah ada dihadapan anda.
- MEMBER & Character anda hendaklah berlainan jantina.
- Bayar 2 JUTA  semasa TURN anda.



Member Biasa




Attribute yang akan diunlock/dapat apabila MEMBER ini diKAHWINi.

Dah Kahwin!

Apabila diKAHWINi, pusingkan MEMBER anda untuk menandakan anda sudah berKAHWIN dengan MEMBER ini.

SUAMI ISTERI; SEDIA SETIA!

Apabila MEMBER yang sudah KAHWIN (bini/suami korang lah) shield/protect anda dari serangan DENGKI  player lain, anda tidak perlu discardnya sebab suami isteri sedia & setia!

MEMBER Biasa akan sentiasa diserang dahulu sebelum MEMEBR Yang Dah Kahwin.

PS: Anda tidak boleh KAHWIN dua.

LIMIT ITEM/MEMBER YANG DIMILIKI



MEMBER yang sudah KAHWIN masih dikira sebagai MEMBER, anda boleh ada MEMBER lagi seorang kalau mahu.



DENGI-MENDENGI

Sebelum menghabiskan TURN anda, anda boleh serang player pilihan anda. Kekuatan serangan anda akan bergantung dengan jumlah DENGKI yang anda miliki.

Pada permulaan permainan, semua player hanya mempunyai 1 Attribute Dengki.



Menyerang tidak memerlukan sebarang card! Simply tunjukkan kepada siapa anda mahu menyerang. Player yang diserang perlu turunkan AIR MUKANYA jika dia tidak mampu untuk protect dirinya.

Anda tidak boleh pilih untuk bahagikan serangan anda. Semua serangan adalah focused fire hanya pada seorang player!



Contoh di sebelah menunjukkan Hero Ryan Kaya-Raya yang mempunyai beberapa ITEM & telah pun berkahwin dengan MEMBER bernama Lily. Apabila anda hendak menyerang player lain, simply kira berapa icon yang tertera di atas card di hadapan anda. Untuk contoh ini player ini akan serang dengan kekuatan 4 DENGKI.

Kalau anda baik hati (hek-ehhhh), anda juga boleh pilih untuk tidak menyerang mana-mana player dan skip fasa menyerang dan menamatkan TURN anda..



DENGKI-MENDENGKI

SERANG BALAS!



Berhati-hati kerana terdapat jugak card PLOT TWIST yang boleh digunakan untuk serang balas serangan anda.

Anda boleh juga counter card ini dengan card counter yang sama effectnya ATAU cancelkan card ini dengan PLOT TWIST yang effectnya tertulis untuk cancel PLOT TWIST.

DENGKI DI-BLOCK OLEH MEMBER

Dibawah adalah urutan Serangan Dengki akan focus dahulu sebelum sampai ke tuan badan Hero/Heroine.

1. MEMBER biasa (yang belum KAHWIN)
2. MEMBER yang diKAHWINI (suami/isteri kepada Hero/Heroine)
3. Hero/Heroine

Maknanya anda tidak boleh pilih untuk turunkan AIR MUKA 🧡 anda sendiri untuk menyelamatkan MEMBER anda dari di-discard (Kerana dia baru saja protect anda dari serangan).

TIMING TU PENTING!

Sebaik player selesai menyerang atau sebut untuk skip fasa serangannya, TURN dia sudah pun selesai. Mana-mana PLOT TWIST tidak lagi boleh dituju kepadanya kerana sekarang ia sudah pun masuk TURN player seterusnya.

Begitu juga jika anda pilih untuk menyerang sebelum membuat Fasa Collecting & Fasa Action; anda tidak boleh lagi memainkan Fasa lain setelah selesaikan serangan anda.

Kepada player yang pernah main Edisi Pertama game ini akan tahu ada beberapa perubahan kecil yang kami decided untuk ubah untuk Edisi Kedua ini. Setelah mendapat feedback dari player yang lebih ramai, kami bersetuju untuk ubah certain rules untuk mempercepatkan permainan, seimbangkan certain ability/effect dan explanation rule lebih details and jelas supaya korang kurang bergaduh mengenai rules dan lebih masa untuk bergaduh dalam game (Muahahaha).

Kami harap korang dapat khatam rule ini sebab untuk Expansion yang akan datang, kami akan memperkenalkan beberapa mechanics tambahan untuk korang berdengki dengan lebih banyak cara & more drama untuk dilakonkan!

Sebarang kekeliruan mengenai game rules ini hendaklah diselesaikan dengan penuh emosi & persilisan faham. Kami harap rule book ini mampu menjadi bukti untuk dijadikan sebagai "Aku Da Cakap Dah!" dan membuktikan korang lagi rajin membaca dari diorang.



Drama Pukul 7 dicipta dan direka oleh Haireey Hashnan sebagai Game Illustrator dan Zamri Mustapha sebagai Game

Designer. Permainan ini diterbitkan di bawah naungan company kami bersama iaitu MB ART ENTERPRISE.



MEJA BELAKANG

MB ART ENTERPRISE (002967949-T)
mejabelangart@gmail.com



MEJA BELAKANG
DRAMA PUKUL 7



@MejaBelakangArt